



PENDIDIKAN DIGITAL MELAHIRKAN MURID BERKUALITI

Sebelum membicarakan tentang Dasar Pendidikan Digital (DPD) terutamanya dalam memberikan penambahbaikan terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam sistem pendidikan di seluruh negara, adalah lebih baik untuk kita melihat terlebih dahulu senario semasa pendidikan negara serta penggunaan teknologi digital di negara ini.

Statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada 31 Disember 2020 menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 10 225 buah sekolah di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 5898 buah sekolah berada di kawasan bandar, dan sebanyak 4327 buah sekolah pula berada di kawasan luar bandar. Bagi kategori sekolah luar bandar, sebanyak 645 buah sekolah terletak di kawasan pedalaman yang boleh dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu sebanyak 215 buah sekolah di kawasan pedalaman satu, sebanyak 146 buah sekolah di kawasan pedalaman dua, dan sebanyak 284 buah sekolah di kawasan pedalaman tiga.

Jumlah keseluruhan tenaga pengajar di sekolah adalah sebanyak 413 528 orang guru dan jumlah keseluruhan murid pula adalah sebanyak 4 768 892 orang. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 109 452 orang guru dan sebanyak 1 036 829 orang murid berada di kawasan luar bandar. Berdasarkan jumlah tersebut, jumlah murid dan guru yang berada di kawasan luar bandar lebih tinggi berbanding dengan murid dan guru di kawasan bandar. Hal ini sudah pasti memberikan satu cabaran yang besar buat kerajaan untuk memastikan murid di kawasan luar bandar memiliki akses pendidikan yang sama seperti murid di kawasan bandar. Hal ini demikian kerana kerajaan perlu mengelakkan wujudnya jurang akses pendidikan yang luas antara murid di seluruh negara. Selain

keperluan menyediakan peranti, kerajaan juga perlu memastikan setiap kawasan di luar bandar memiliki capaian Internet yang baik untuk membolehkan proses PdP dilaksanakan secara menyeluruh.

Ledakan teknologi Internet di negara ini bermula pada tahun 1983 dan tahun 1991. Rangkaian komunikasi Internet secara bersepadu di negara ini boleh dicapai menerusi Joint Advanced Integrated Networking (JARING) dengan kelajuan 64 Kbps. Perkembangan itu terus menunjukkan peningkatan apabila pada suku tahun kedua 2015, purata kelajuan Internet di negara ini adalah sekitar 5.0 megabit per saat (Mbps) dan ketika itu negara berada pada kedudukan ke-70 dalam senarai penggunaan Internet di dunia.

Terdapat juga laporan yang dikeluarkan oleh The State of LTE oleh OpenSignal yang menyatakan bahawa sehingga Februari 2018, kadar penembusan 4G di Malaysia adalah sekitar 74.88 peratus dan purata kelajuan capaian Internet 4G di Malaysia pula adalah pada kadar 14.83 Mbps, iaitu antara kadar yang terendah dalam kalangan 88 buah negara yang dikaji. Pada ketika itu, kelajuan terpacuan Internet sudah mencapai satu gigabit per saat (Gbps). Berdasarkan laporan tersebut, kita tidak boleh menafikan bahawa capaian Internet di negara ini adalah antara yang mahal di dunia.

Jika di kawasan bandar sekalipun kita sering menghadapi masalah capaian Internet, apatah lagi di kawasan luar bandar. Masih banyak lagi kawasan

luar bandar terutamanya di kawasan pedalaman yang menghadapi masalah capaian Internet yang begitu menyedihkan. Tentunya kita masih ingat lagi kisah seorang mahasiswa di pedalaman Sabah yang terpaksa mendirikan pondok di atas pokok untuk menyiapkan tugas dan menjawab soalan peperiksaan secara dalam talian. Keadaan ini menuntut kerajaan untuk mencari jalan penyelesaian terhadap isu capaian Internet yang agak mahal dan membebankan penduduk di negara ini, terutamanya kepada mereka yang tergolong dalam kumpulan B40.

Bagi merealisasikan impian negara untuk menuju ke arah Dasar Pendidikan Digital serta memperkukuh dan memperkasa kaedah PdP, banyak perkara yang perlu diberikan perhatian oleh pihak kerajaan. Majoriti rakyat menentang dasar ini, namun sistem pendidikan negara perlu berubah selaras dengan perkembangan pendidikan di seluruh dunia pada ketika ini. Selain perkembangan teknologi yang tidak dapat dielakkan, situasi di luar jangka ini juga perlu diambil kira bagi memastikan sistem pendidikan negara tidak terganggu.

Situasi yang dialami ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan oleh kerajaan akibat penularan wabak COVID-19 pada tahun 2020 menunjukkan bahawa berlakunya perubahan yang besar terhadap kaedah PdP buat pertama kalinya dalam sejarah sistem pendidikan negara. Sesi persekolahan secara bersemuka tidak dapat dilakukan dan pilihan yang ada pada ketika itu hanyalah meneruskan pembelajaran secara dalam talian.

Walaupun bermula dalam serba kekurangan dan banyak kekangan, majoriti rakyat terutamanya ibu bapa dan murid mula mengadaptasi dan menerima kaedah pembelajaran tersebut secara perlahan-lahan. Langkah kerajaan yang

memperkenalkan pogram pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) secara tidak langsung telah membuka mata banyak pihak. Bertitik tolak daripada program tersebut, kerajaan melalui KPM tidak lagi menoleh ke belakang dan mengambil iktibar daripada situasi tersebut untuk memuktamadkan Dasar Pendidikan Digital yang akan menjadi elemen terpenting dalam PdP murid di negara ini pada masa hadapan.

Bagi merealisasikan impian tersebut, beberapa inisiatif dan pendekatan baharu telah diambil oleh kerajaan, antaranya termasuklah mempertingkat tahap capaian Internet terutamanya di kawasan luar bandar bagi mengelakkan wujudnya jurang digital yang ketara antara murid di kawasan bandar dengan murid di kawasan luar bandar. Berdasarkan Laporan Survei Penggunaan dan Capaian Teknologi Maklumat dan Komunikasi oleh Individu dan Isi Rumah yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia sebelum ini, jelas menunjukkan bahawa berlakunya peningkatan yang memberangsangkan ekoran keprihatinan ibu bapa terhadap penggunaan teknologi Internet terutamanya dalam aspek pembelajaran untuk anak-anak.

Hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa peratusan capaian Internet isi rumah meningkat kepada 95.5 peratus pada tahun 2021 berbanding dengan 91.7 peratus pada tahun 2020. Hasil kajian daripada Jabatan Perangkaan tersebut menunjukkan bahawa penggunaan Internet dalam kalangan masyarakat Malaysia yang berusia 15 tahun ke atas juga meningkat dengan ketara, iaitu daripada 89.6 peratus pada tahun 2020 kepada 96.8 peratus pada tahun 2021. Keprihatinan ibu bapa dan kesedaran pendidikan berasaskan teknologi Internet ini secara tidak langsung telah menjadikan sistem pendidikan negara semakin berubah selari dengan perkembangan semasa.

TAHUKAH ANDA?

Jumlah sekolah di kawasan bandar
5898 buah sekolah

Jumlah sekolah di kawasan luar bandar
4327 buah sekolah

Jumlah sekolah di kawasan pedalaman
645 buah sekolah

Kawasan pedalaman satu
215 buah sekolah

Kawasan pedalaman dua
146 buah sekolah

Kawasan pedalaman tiga
284 buah sekolah

Usaha KPM untuk meningkatkan akses Internet di sekolah juga bertepatan dan selari dengan keprihatinan masyarakat dunia terhadap kepentingan pendidikan digital. Persidangan Pendidikan Digital Sedunia yang berlangsung di Beijing, China, pada Februari 2023 lalu menunjukkan bahawa, dunia kini sepakat untuk bergerak ke arah sistem pendidikan digital.

Pada hari ini, kita boleh melihat hampir setiap kediaman di negara ini memiliki akses Internet dan teknologi Internet semakin meningkat penggunaannya, bukan sahaja dalam kalangan golongan dewasa dan remaja, malah murid di peringkat sekolah rendah juga turut menggunakannya. Oleh itu, usaha kerajaan untuk memuktamadkan Dasar Pendidikan Digital di negara ini perlu mendapat sokongan daripada semua pihak kerana usaha ini bukan sahaja bakal menjadi elemen terpenting dalam PdP murid pada masa hadapan, tetapi juga bagi mengelakkan masyarakat Malaysia jauh ketinggalan berbanding dengan negara maju lain, yang sudah melangkah jauh ke hadapan dalam sistem pendidikan digital.

Usaha KPM untuk meningkatkan akses Internet di sekolah juga bertepatan dan selari dengan keprihatinan masyarakat dunia terhadap kepentingan pendidikan digital. Persidangan Pendidikan Digital Sedunia yang berlangsung di Beijing, China, pada Februari 2023 lalu menunjukkan bahawa, dunia kini sepakat untuk bergerak ke arah sistem pendidikan digital. Persidangan tersebut memberikan fokus kepada perbincangan ke arah mentransformasikan sistem pendidikan kepada pendidikan digital, pembangunan dan pengaplikasian sumber pembelajaran digital dan peningkatan literasi digital guru dan murid serta tadbir urus digital pendidikan.

Dunia pendidikan bukanlah suatu sistem yang statik. Sistem pendidikan berkembang dengan pelbagai pembaharuan dan inovasi selari dengan perubahan dan tuntutan masa. Dengan perkembangan dunia digital pada hari ini yang menguasai hampir seluruh dunia, kita perlu bergerak seiring agar tidak jauh ketinggalan berbanding

dengan negara maju yang lain. Sistem pendidikan di negara maju yang lain telah menggunakan kaedah pembelajaran secara digital dan berjaya melahirkan murid yang berdaya saing, inovatif dan cemerlang. Namun begitu, dalam memastikan kaedah pendidikan digital ini mencapai hasrat yang diinginkan oleh kerajaan, kita perlu mempersiapkan diri dengan beberapa cabaran yang bakal kita hadapi.

Antara cabaran yang paling ketara dan perlu ditangani oleh kerajaan termasuklah ketiadaan peranti untuk pembelajaran, persekitaran yang kurang kondusif, tahap kemahiran penggunaan teknologi oleh guru dan sikap murid ketika sesi e-pembelajaran. Di sebalik cabaran yang dihadapi, pasti ada jalan penyelesaiannya. Kerajaan melalui KPM sudah pasti mengetahui semua cabaran dan tentangan yang bakal dihadapi oleh mereka dan memiliki asas yang cukup kukuh dan kuat untuk memuktamadkan Dasar Pendidikan Digital bagi memperkasakan kaedah PdP secara menyeluruh. Hal ini dapat dilihat melalui kesungguhan kerajaan memberikan peruntukan yang besar kepada sistem pendidikan negara melalui Belanjawan 2023 yang dibentangkan pada Februari lalu.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013 – 2025) turut memberikan fokus terhadap penggunaan teknologi digital dalam ekosistem sekolah, antaranya termasuklah melaksanakan sesi PdP yang lebih meluas secara berperingkat-peringkat, melakukan penggantian peralatan komputer yang telah usang dan membekalkan komputer riba yang baharu. Perkara ini termasuklah memberikan latihan kepada guru dan mendedahkan mereka kepada teknik pembelajaran yang menggunakan teknologi digital untuk menjadikan sesi pembelajaran lebih menarik dan kondusif.



Sementara itu, bagi murid dan ibu bapa pula, pengalaman sepanjang tempoh PKP sedikit sebanyak telah memberikan pendedahan kepada mereka untuk merealisasikan dan memastikan usaha KPM ini berjaya. Kesedaran mula wujud dalam kalangan ibu bapa yang tidak dapat menolak perubahan dalam sistem pendidikan negara pada hari ini yang berkembang selaras dengan kepesatan dan kemajuan teknologi Internet. Kita tidak boleh lagi menoleh ke belakang dengan memberikan pelbagai alasan mahupun kekangan serta cabaran yang bakal wujud. Dunia pada hari ini semakin bergerak laju dan usaha yang dilakukan oleh KPM sememangnya bertepatan dengan aspirasi pendidikan negara yang bukan sahaja ingin melahirkan pelajar yang celik teknologi maklumat tetapi juga mampu bersaing pada peringkat global.

Cabaran tetap ada. Namun begitu, kita perlu meletakkan keyakinan yang tinggi terhadap kerajaan, khususnya KPM yang sudah tentunya telah melakukan banyak kajian dan persediaan untuk memperkasakan PdP murid secara menyeluruh demi kelangsungan sistem pendidikan negara. Sudah tentu murid akan menerima manfaat apabila program ini dilaksanakan sepenuhnya kelak. Sistem pendidikan negara bukan sahaja mengalami lonjakan dari segi kecanggihan teknologi dan peranti, malah sistem pendidikan juga akan menjadi lebih menarik dan interaktif kerana murid tidak lagi mengamalkan sistem pendidikan konvensional yang hanya berpandukan buku semata-mata, sebaliknya mendapat sumber maklumat secara lebih meluas melalui pendidikan digital. 🌐

